

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 3 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12944
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membantu golongan anak muda untuk membeli rumah pertama mereka dengan harga pasaran kini agak tinggi dan membebankan terutamanya kepada golongan anak muda yang baru memulakan kerjaya mereka dalam bidang masing-masing.
2. PN-1533-L12352
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peruntukan bagi bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak dan berapakah jumlah projek bekalan elektrik luar bandar bagi kawasan Saratok untuk tahun 2025.
3. PN-1533-L13071
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah guru Pendidikan Khas sedia ada, jumlah kekurangan guru dalam bidang ini, serta langkah jangka pendek dan jangka panjang oleh Kementerian untuk menangani masalah kekurangan guru Pendidikan Khas; dan
 - (b) jumlah sekolah di Malaysia yang masih tidak mesra kepada kanak-kanak OKU serta langkah tegas yang akan diambil untuk memastikan peruntukan bagi penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan.

4. PN-1533-L12462
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah permohonan bantuan untuk memperbaiki Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dimohon pada tahun 2024 mengikut negeri; dan
 - (b) adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk menambah peruntukan bagi program ini agar manfaat yang lebih luas dapat diberikan.

5. PN-1533-L12805
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem pengawasan makanan import di Malaysia dalam mencegah kemasukan produk makanan yang tercemar atau tidak selamat serta langkah-langkah meningkatkan keterjaminan makanan melalui pengurangan pergantungan terhadap makanan import.

6. PN-1533-L12987
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan persediaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam meningkatkan penarafan *Environmental, Social and Governance* (ESG) syarikat tempatan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

7. PN-1533-L12864
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
 - (a) apakah harapan dan objektif yang ingin dicapai oleh Malaysia apabila mengambil alih kepengerusian ASEAN pada tahun 2025; dan
 - (b) apakah peranan yang diharapkan daripada komuniti perniagaan untuk menjadikannya berjaya.

8. PN-1533-L12550
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh manakah pencapaian keseluruhan Dasar Perubahan Iklim Negara 1.0 dalam arus perdana perubahan iklim negara dan bagaimanakah indikator terbaharu yang ditetapkan Kementerian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 yang baru diluncurkan.

9. PN-1533-L12902
Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah Kementerian untuk memastikan pengusaha Pusat Lesen Memandu untuk menerima dan memproses permohonan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2/B1 kepada B Penuh (B Full).
10. PN-1533-L12431
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan penilaian atau kajian khusus terhadap kesan skandal GISB terhadap kesihatan mental kanak-kanak yang terlibat dan apakah hasil daripada kajian tersebut.
11. PN-1533-L13024
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap kesediaan Kementerian untuk memperbanyakkan program Tahfiz Al-Quran sebagai salah satu modul pemulihan warga banduan di dalam penjara.
12. PN-1533-L12381
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian menjalankan penilaian terhadap program-program pembangunan yang dilaksanakan di desa. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan program dan menyelesaikan isu-isu yang timbul semasa pelaksanaannya.
13. PN-1533-L12837
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) jumlah pembaca berita dan wartawan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi bahagian berita dalam Bahasa Melayu, Cina, Tamil, dan Inggeris; dan
 - (b) Usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menambah jawatan pembaca berita di RTM, termasuk bagi mereka yang berstatus *piecemeal* dan tetap.

14. PN-1533-L12604
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wujud usaha untuk membina dewan terbuka di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai dewan terbuka agar pelajar sekolah dapat membuat aktiviti di tempat yang teduh terutamanya semasa cuaca panas terik yang mampu membahayakan kesihatan para pelajar.
15. PN-1533-L12409
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan taska yang dikesan tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sejauh manakah tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap taska berkenaan.
16. PN-1533-L12389
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dana Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang disalurkan kepada usahawan bagi kaum India sejak tahun 2019 hingga 2023 secara terperinci. Apakah hasrat Kementerian dalam merangka strategi untuk membantu usahawan kaum India bagi tahun 2024 untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang melalui pelbagai program keusahawanan.
17. PN-1533-L12915
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kurikulum Program Latihan Khidmat Negara versi terkini (PLKN 3.0) dan kelebihan berbanding dengan kurikulum PLKN versi-versi terdahulu.
18. PN-1533-L12678
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan strategik yang akan dibangunkan oleh Kementerian secara terperinci bagi mengurangkan kadar guna tenaga tidak penuh khususnya pendidikan tertier selaras dengan pelaksanaan ke arah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).
19. PN-1533-L12748
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai pembukaan semula pintu sempadan Kuala Perlis, Perlis dan Satun, Thailand.

20. PN-1533-L12659

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai data yang khusus berkaitan isu gelandangan terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian atau melalui kerjasama dengan pihak luar, seperti NGO, untuk memastikan kebajikan golongan gelandangan sentiasa terpelihara.

21. PN-1533-L12786

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah oleh Kementerian yang telah diambil untuk mengatasi isu keterjaminan makanan disebabkan kesan ketegangan geopolitik ke atas keterjaminan makanan dan impaknya kepada subsidi makanan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan dan adakah wujudnya peluang untuk dimanfaatkan oleh sektor pertanian negara daripada krisis geopolitik ini.

22. PN-1533-L12894

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jika terdapat kajian dilakukan berkaitan impak peningkatan tempoh cuti ibu bersalin daripada 60 kepada 98 hari. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap kritikan bahawa perkara ini telah membawa kepada diskriminasi tambahan kepada wanita terutamanya apabila pihak majikan ingin mengisi kekosongan jawatan.

23. PN-1533-L12884

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha dan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak lain untuk memastikan biasiswa atau pinjaman kewangan yang cukup bagi pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang selama ini tidak layak memohon pinjaman PTPTN.

24. PN-1533-L12571

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) pendekatan untuk memastikan setiap hospital awam di negeri Sabah memiliki keseimbangan kesiagaan sumber manusia yang mencakupi doktor pelatih, doktor, doktor pakar, dan jururawat; dan

- (b) bagaimanakah Malaysia berupaya membangunkan fasiliti pengeluaran ubat-ubatan serta vaksin halal untuk kegunaan domestik.
25. PN-1533-L12954
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang asing yang tidak dapat dikesan dan berapakah bilangan mengikut pecahan negara asal sehingga pertengahan tahun 2024.
26. PN-1533-L12612
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) statistik kemasukan pelancong daripada Thailand dan bilangan rakyat Malaysia yang melancong ke Thailand melalui pintu sempadan Padang Besar dan Wang Kelian bermula Januari sehingga Oktober 2024; dan
- (b) usaha untuk menggalakkan pelancongan domestik berikutan terlalu ramai rakyat Malaysia melancong ke Thailand.
27. PN-1533-L12876
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pusat data di Johor (yang telah siap dan yang sedang dibangunkan) kerana terdapat angka yang bertentangan antara kenyataan Kerajaan Negeri mengenai 10 pusat data yang beroperasi yang berbeza dengan 4 pusat data yang beroperasi yang dijawab oleh Menteri dalam sidang Parlimen baru-baru ini.
28. PN-1533-L12369
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan program kesejahteraan sosial yang diperkenalkan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar. Bagaimanakah Kementerian memantau keberkesanan program ini dalam mengurangkan kemiskinan.

29. PN-1533-L12560

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian terbesar Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dalam mereformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan sejak penubuhannya dan apakah usaha bersepadu yang sedang ditumpukan bersama agensi-agensi Kerajaan ke arah meredakan komplikasi birokrasi dalam setiap urusan yang melibatkan kemaslahatan rakyat.

30. PN-1533-L13101

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan konkrit yang diambil untuk mengatasi kelewatan dalam projek LRT3 yang dilaporkan melibatkan kos yang lebih tinggi daripada anggaran asal.

31. PN-1533-L12828

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan dan kaji selidik pihak Kementerian bagi mencari penyelesaian dalam pembinaan rumah mampu milik mengikut keperluan sebenar, khususnya di kawasan luar bandar sekali gus dapat meningkatkan pemilikan rumah bagi rakyat Malaysia.

32. PN-1533-L12536

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian memudahkan akses kepada pelajar antarabangsa dalam aspek perkhidmatan sokongan kritikal, tempat penginapan, penjagaan kesihatan, bantuan undang-undang dan promosi pelancongan sepanjang tempoh pengajian mereka di Malaysia sekali gus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa.

33. PN-1533-L13052

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme Kerajaan dalam pemberian subsidi petrol RON95 kepada golongan sasaran seperti *Fleet Card* yang digunakan untuk subsidi diesel.

34. PN-1533-L12715

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan memperluaskan inovasi penggunaan teknologi garisan jalan bercahaya dalam gelap atau *glow in the dark* di kesemua jalan raya bagi meningkatkan aspek keselamatan pengguna khususnya di kawasan yang gelap dan kerap berlaku kemalangan.

35. PN-1533-L12813

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian melaksanakan pemantauan bagi penghantaran pulang pekerja asing yang telah tamat tempoh permit; dan
- (b) jika ada, nyatakan perincian pemantauan bagi penghantaran pulang pekerja asing yang telah tamat tempoh permit mengikut kewarganegaraan.

36. PN-1533-L12624

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi memperkasakan lagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) agar ia terus berkembang maju dan mampu berdaya saing setelah mula dilancarkan pada tahun 2007 dahulu.

37. PN-1533-L13065

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menangani masalah sosial pelajar remaja seperti kehamilan luar nikah.

38. PN-1533-L12631

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian memantau syarikat-syarikat yang menawarkan kad dan insurans perubatan terutama yang mengenakan pelbagai syarat dan kenaikan harga yang tinggi hingga membebankan rakyat sebagai pengguna.

39. PN-1533-L12401

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membuat persiapan menghadapi banjir besar berdasarkan kadar 200 ARI (Average Recurrence Interval) dan berapakah bilangan kolam takungan banjir di Kuala Lumpur yang akan dinaiktaraf bagi mencapai piawaiian tersebut.

40. PN-1533-L12422

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi isu seramai 10,160 daripada 383,685 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang tidak hadir menduduki peperiksaan kerana perkara ini dilihat semakin serius.

41. PN-1533-L13012

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) status terkini fasa pertama pengkomersialan projek Bandar Malaysia di Sungai Besi yang dilaksanakan oleh Bandar Malaysia Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]; dan
- (b) strategi pembangunan Tanah Rizab Melayu untuk memperkasakan ekonomi orang Melayu.

42. PN-1533-L12504

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pemantauan semasa oleh Kementerian terhadap monopoli tenaga kerja warga asing dalam sektor pertanian di Malaysia ketika ini, serta cadangan yang dipertimbangkan untuk menangani isu ini dalam jangka pendek dan panjang.

43. PN-1533-L12528

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan rakyat memilih bercuti dan berbelanja dalam negara, berbanding ke luar negara, susulan laporan bahawa rakyat Malaysia telah membelanjakan hampir 1 bilion Thai Baht (RM130 juta) di negara jiran; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam memastikan pengusaha tempat penginapan dan pengusaha makanan tidak menaikkan harga khususnya tiba musim cuti umum/panjang.

44. PN-1533-L13043

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah trend penyakit HIV dalam tempoh dua puluh tahun terakhir, dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan perubahan dalam trend tersebut.

45. PN-1533-L12696

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan dan prestasi terkini syarikat-syarikat teknologi peringkat awal yang diberikan dana oleh Kerajaan melalui Khazanah Nasional Berhad dan sejauh manakah objektif Kerajaan untuk memupuk *tech startups* supaya berkembang ke sektor pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai.

46. PN-1533-L12490
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan gejala dadah dan aktiviti jenayah yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan remaja di kawasan luar bandar di Sarawak terutamanya di Saratok, Kabong, Bekalalan dan Belaga dilihat semakin serius. Adakah Kerajaan akan menambahkan kekuatan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membendung masalah ini.
47. PN-1533-L12998
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang mengenai wasiat hidup dan surat kuasa hidup bagi memastikan adanya rangka undang-undang yang jelas untuk individu yang tidak lagi mampu membuat keputusan atau berkomunikasi akibat masalah kesihatan.
48. PN-1533-L13089
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah projek-projek bekalan air di Kelantan yang dibiayai melalui peruntukan Geran Bekalan Air berjumlah RM 166 juta, bermula dari Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).
49. PN-1533-L13032
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian dan langkah terkini Kerajaan terhadap kes tuntutan tanah melibatkan Semantan Estate Sdn. Bhd. yang telah mendapat keputusan Mahkamah Tinggi.
50. PN-1533-L12923
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan untuk mengawal harga ubat dan rawatan yang kian meningkat waktu ini.
51. PN-1533-L12967
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan terperinci bagi perbelanjaan 97 juta oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA). Adakah kajian impak sosial telah dijalankan untuk menilai kesan perbelanjaan ini dan jika ya, bilakah hasil kajian tersebut akan dibentangkan.

52. PN-1533-L12493

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah sasaran dan visi Kementerian dalam sektor inap desa untuk tempoh 10 tahun yang akan datang dan apakah strategi-strategi yang diambil untuk mencapai sasaran dan visi ini.

53. PN-1533-L12932

Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cabaran utama yang dijangka dalam pelaksanaan subsidi bersasar terutamanya untuk barang keperluan seperti minyak petrol RON95 dan diesel :-

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan penyasaran subsidi ini tidak akan membebankan rakyat; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan bersedia untuk melaksanakan subsidi secara bersasar untuk minyak petrol RON95.

54. PN-1533-L12724

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik di Parlimen selaras dengan inisiatif Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028 (NACS).

55. PN-1533-L12516

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam membantu usahawan IKS bumiputera yang mempunyai produk yang berkualiti tinggi dan bersedia untuk dipasarkan di peringkat tempatan dan luar negara. Apakah cabaran atau halangan untuk memasarkan produk mereka di pasar raya besar dan ternama ini.

56. PN-1533-L12957

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pindaan terhadap Peraturan-peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 untuk isu akses pendidikan oleh kanak-kanak yang ada masalah dokumen terutamanya di Sabah.

57. PN-1533-L12753

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi-strategi yang akan dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun 2025 untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak swasta dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran (*upskilling*) sumber tenaga kerja negara.

58. PN-1533-L12584

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) jumlah keseluruhan anggota Rejimen Askar Wataniah (RAW) termasuk keanggotaan sukarela, sepenuh masa dan kehormat; dan
- (b) adakah Kementerian membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memasukkan pegawai berumur 45 tahun ke bawah yang sihat tubuh badan untuk menyertai askar wataniah.

59. PN-1533-L12451

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) usaha supaya rakyat dapat mempromosikan kebudayaan masing-masing bagi tujuan pelancongan; dan
- (b) perancangan untuk menjadikan Air Terjun Pejik (Wong Pejik) di Lusong Laku, Belaga sebagai destinasi pelancongan untuk memberi manfaat kepada penduduk tempatan berbangsa Penan.

60. PN-1533-L12762

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perancangan Kementerian menyusun program dan tindakan afirmatif dalam menggiat usaha program atau strategi terbaik sektor keusahawanan dan pembangunan ekonomi desa di Melaka serta bagaimana peranan Kementerian untuk meningkatkan sasaran penyertaan usahawan wanita dan belia pada 2025.

61. PN-1533-L12483

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan cara Kementerian menentukan keutamaan projek pembangunan infrastruktur bagi kawasan luar bandar. Adakah proses tersebut mengambil kira unjuran penduduk kawasan tersebut dan corak migrasi.

62. PN-1533-L13079

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang cedera susulan serangan Israel di Lubnan, dan adakah pihak ATM akan terus menghantar pegawai dan anggotanya untuk menyertai misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.13/2024) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]
2. *(D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Kewangan]
3. *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Kewangan]
4. *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Kewangan]
5. *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Kewangan]
6. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

7. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
8. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
9. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
10. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Pengangkutan]
11. *(D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Sumber Manusia]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 74	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2021	3 Disember 2024
ST. 92	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 105	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST.117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAF) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Bagi Tahun 2020	3 Disember 2024
ST. 120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Bagi Tahun 2021	3 Disember 2024
ST. 121	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 127	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 128	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2023	3 Disember 2024
ST. 130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 133	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2023	3 Disember 2024
ST. 150	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 152	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 154	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 155	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 156	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 157	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 158	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 159	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 160	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 161	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 162	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 163	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 164	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 165	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST.166	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 167	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 168	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2024
ST. 169	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2024
ST. 170	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 171	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024
ST. 172	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) Bagi Tahun 2023	3 Disember 2024
ST. 174	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2022	3 Disember 2024